

EKONOMI DAN PENDIDIKAN : PERANAN INSTITUSI WAKAF

Oleh
Rosnani Hashim
Universiti Islam Antarabangsa

Pendahuluan

Artikel ini akan membincangkan perhubungan antara pendidikan dan ekonomi, status sekolah agama kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JAIN) dan perihal pentingnya peranan institusi wakaf dalam pendidikan Islam.

Setiap ibu-bapa inginkan anak-anak yang berpendidikan, jika boleh sehingga ke peringkat yang tertinggi. Setiap individu yang telah mula mengorak langkah ke bangku sekolah dan mempunyai cita-cita, ingin melanjutkan pelajaran ke tahap yang boleh menjadikan cita-cita itu satu kenyataan. Setiap negara khasnya negara yang mengamalkan demokrasi menjadikan tugas kecilkan huruf rakyatnya satu kewajipan. Negara-negara ini berusaha seboleh-bolehnya membasmikan buta huruf. Walau apa pun matlamat pendidikan yang mahu dicapai, bila disebut sahaja pendidikan, setiap kategori golongan di atas tidak dapat tidak, terpaksa menimbangkan kedudukan ekonomi masing-masing sebelum hasrat tersebut tercapai. Begitulah eratnya pertalian antara pendidikan dan ekonomi sehingga wujud sekarang disiplin ekonomi dan pendidikan yang dipanggil 'Economics of education' atau ekonomi pendidikan. Secara formal, ekonomi pendidikan ialah kajian tentang bagaimana masyarakat menggunakan sumber produktif yang terbatas dalam pelbagai jenis latihan; perkembangan ilmu, ketrampilan, akal dan menyebarkannya pada masa kini dan akan datang di kalangan kelompok dan individu yang berlainan.¹

Pendidikan Sebagai Satu Masalah Ekonomi

Pada dekad-dekad mutakhir ini, pendidikan telah diberi keutamaan dan nilai yang sungguh tinggi oleh setiap lapisan masyarakat kerana implikasi-implikasi sosial dan politiknya yang begitu luas. Pendidikan bukan sahaja melibatkan masyarakat dan ekonomi, tetapi juga perkembangan syaksiah insan. Di Malaysia perbelanjaan bagi sektor pendidikan merupakan 15.39% daripada jumlah perbelanjaan negara pada tahun 1985 iaitu, 5.85% berbanding KNK (Keluaran Negara Kasar).² Peranan ekonominya dijalankan dengan fungsi-fungsi lain membuat pendidikan satu kuasa yang cukup berpengaruh

dalam pembangunan negara dan kehidupan individu. Justeru itu sebilangan besar model ekonomi menganggap perkembangan pendidikan sebagai ciri yang sangat mustahak bagi pemodenan industri dan juga prasyarat pokok bagi pembangunan sebab ia menggalakkan perkembangan ekonomi dan memasyarakat anggota-anggota masyarakat yang baru kepada sistem nilai politik dan budaya setempat. Pengaruh ekonomi ke atas perkembangan pendidikan berlaku dalam berbagai bentuk. Misalnya, sistem ekonomi sebuah negara yang menjadi tonggak utama persediaan bahan material untuk tujuan pembangunan pendidikan. Ia menyediakan ke dua-dua sumber material dan kewangan yang diperlukan bagi proses tersebut, sebaliknya pengeluaran tidak dapat berkembang tanpa pegawai-pegawai kanan yang berkelayakan dan berpendidikan tinggi malahan pekerja-pekerja yang terlatih. Jika pada masa dahulu, bagi memulakan sesuatu perusahaan modal berbentuk kewangan terus diambil kira selain daripada tenaga buruh, sekarang para ahli ekonomi mengakui kepentingan modal manusia (human capital). Perkembangan modal manusia adalah proses penambahan ilmu kemahiran dan keupayaan setiap lapisan masyarakat. Cara yang paling berkesan untuk mengembang modal manusia ialah melalui pendidikan. Pelaburan dalam modal manusia bukanlah satu usaha yang sia-sia tetapi sebaliknya mendatangkan banyak faedah. Dari sudut ekonomi, pelaburan ini menghasilkan tenaga-tenaga yang berkelayakan dan bermutu dalam tempoh masa beberapa tahun sahaja dan ia lebih bernilai daripada pelaburan-pelaburan dalam sumber fizikal, kewangan mahupun masa. Manusia berpendidikan mempunyai keupayaan yang tinggi dari segi pengurusan sumber. Faktor ini mendorong peningkatan produktiviti dan seterusnya peningkatan dalam pendapatan negara. Bagi umat Islam pula pelaburan ini bukan sahaja bermanfaat dari segi ekonomi tetapi juga dalam rangka melahirkan insan yang salih sekiranya mereka memiliki falsafah pendidikan sistem yang berteraskan Islam.

Pendidikan memerlukan kewangan, walaupun ia merupakan keperluan asas bagi setiap insan, secara kasar, kalau kita teliti perjalanan sesebuah sekolah, wang diperlukan untuk tujuan bayaran emolumen (gaji) guru dan kakitangan sekolah, perkhidmatan latihan guru-guru, pembinaan bangunan atau makmal tambahan, pembekalan peralatan dan biasiswa bagi murid miskin. Jika keperluan kewangan ini tidak ditampung oleh murid sendiri maka ia tentulah ditampung oleh pihak lain; dan dalam hal ini lazimnya dipikul oleh kerajaan. Di peringkat negara, anggaran perbelanjaan pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1986 dapat dilihat dari Jadual 1 di sebelah.

Kementerian memperuntukkan \$250,578,500 bagi tahun 1986 seperti yang terdapat dalam Jadual 2, untuk biasiswa, dermasiswa, buku teks, bantuan makanan dan sebagainya.

Jelaslah kerajaan bukan sahaja menyediakan kemudahan asas tetapi juga keperluan peribadi para penuntut. Dua jadual tersebut sudah cukup untuk membuktikan kos bagi mengadakan pendidikan, bebanan yang ditanggung oleh kerajaan untuk membiayai pendidikan rakyatnya atau berapa tinggi nilai yang diberi terhadap pelaburan modal manusia.

Jadual 1 : Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kementerian Pendidikan Malaysia, 1986.

Perbelanjaan	\$	%
1. Emolumen	2,556,147,000	63.16
2. Perkhidmatan & Bekalan	300,671,300	7.43
3. Pemilikan harta modal	10,332,000	0.26
4. Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	1,179,674,000	29.15
5. Lain-lain perbelanjaan	2,000	-
Jumlah	4,046,826,300	100.00

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia 1986, m.s. 156

Jadual 2 : Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi maksud Kebajikan penuntut di Malaysia, 1986.

Program	Anggaran Perbelanjaan	
	\$	%
1. Pengurusan Biasiswa & Latihan	15,453,200	6.17
2. Penuntut seberang laut	22,281,300	8.89
3. Asrama	66,545,500	26.56
4. Pemberian buku teks	28,300,000	11.29
5. Bantuan makanan	12,000,000	4.79
6. Biasiswa & Dermasiswa	105,000,000	41.90
7. Penyeliaan Pusat-pusat Penuntut	998,500	0.40
Jumlah	250,578,500	100.00

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia 1986, m.s 160

Pendidikan di Sekolah Agama Negeri

Seterusnya perbincangan akan ditumpukan kepada sistem pendidikan agama Islam di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JHAIN). Memang tidak dinafikan bahawa matapelajaran pendidikan Agama Islam disusun dan diajar dengan lebih baik di bawah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di semua sekolah rendah dan menengah kebangsaan. Walaupun ada golongan di kalangan masyarakat yang masih yakin dengan sistem yang sedia ada, terdapat juga pihak yang merasa terpanggil untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam yang menyeluruh. Dari keadaan ini, muncul sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh individu persendirian, pertubuhan-pertubuhan da'wah dan Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri. Bukan semua sekolah agama ini muncul dari kesedaran yang tersebut di atas, tetapi ada juga yang memang sedia wujud sebelum merdeka lagi dalam bentuk sistem pengajian pondok seperti Madrasah al-Ulum al-Syariah, Perak; Madrasah Masriyyah; Madrasah Ehya el Sharif dan lain-lain lagi, bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam setempat dan meghadapi cabaran dari pihak penjajah. Malahan sistem madrasah tumbuh sebagai cendawan dengan penubuhan sekolah sekular oleh pihak penjajah.³ Terdapat berbagai-bagai corak sistem persekolahan, seperti sekolah agama yang disediakan oleh JAIN pada peringkat sekolah rendah. Ia berbentuk menampung kekurangan di sekolah rendah dan ia diadakan pada sebelah pagi untuk murid-murid sesi petang dan pada sebelah petang untuk murid-murid sesi pagi. Bukan semua JAIN menyediakan alternatif ini. Secara rasmi sistem ini berjalan cuma di negeri Selangor, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan dan Perak. Di beberapa negeri lain JAIN cuma memberi sedikit bantuan kewangan kepada pihak yang menjalankan aktiviti pendidikan ini dengan mendapat kelulusan sukatan pelajaran daripadanya dahulu. Tetapi hampir semua negeri mendirikan sekolah menengah agama (SMA) sendiri dengan sukatan pelajaran yang berbeda-beda. Berbanding dengan sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan persekutuan, SMA dari segi kemudahan fizikal amatlah daif keadaannya. Ini kerana kedudukan kewangan yang terbatas tetapi permintaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, kita berpendapat bahawa SMA perlu diteruskan dan diperbaiki struktur dan kurikulumnya. Peruntukan perbelanjaan bagi pengurusan pendidikan agama daripada seluruh perbelanjaan mengurus bagi pendidikan sekolah rendah dan menengah didapati terlalu kecil. (lihat Jadual 3 di sebelah)

**Jadual 3 : Perbelanjaan Mengurus Bagi Pendidikan
Sekolah Rendah dan Menengah, 1986**

Program	\$	%
1. Pengurusan pendidikan rendah & menengah	9,306,500	0.35
2. Sebaran pendidikan	16,143,500	0.60
3. Pendidikan rendah	1,435,427,500	53.33
4. Pendidikan menengah	1,224,955,900	45.52
5. Pendidikan khas	3,379,500	0.13
6. Pengurusan pendidikan agama	1,991,300	0.07
Jumlah	2,691,204,200	100.00

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia 1986, m.s. 158

JHAIN menggunakan wang zakat, sedekah dan sedikit peruntukan dari kerajaan negeri bagi pengelolaan SMA ini. Hasil zakat yang dipungut sekali setahun dari individu-individu yang ‘mampu’ secara sukarela (sebab belum ada sistem untuk memastikan perlaksanaannya), tidak begitu mampu untuk menampung emolumen guru, kakitangan, peralatan sekolah dan kos-kos lain. Justeru itu tidak hairanlah kalau kita lihat keadaan sekolah agama negeri dalam keadaan yang daif dan serba kekurangan. Di beberapa buah negeri cuma terdapat dua atau tiga buah sekolah menengah agama (lihat jadual 4). Negeri Selangor, Johor, Melaka dan Perak mendahului negeri-negeri lain dari aspek kepesatan perkembangan dengan mempunyai sekolah rendah hampir di setiap qariah di bawah kelolaan JHAIN. Malahan negeri Selangor sudah pun mempunyai sekolah rendah agama alternatif bagi sekolah rendah kebangsaan yang berjalan sepenuh masa. Hampir semua negeri mempunyai sekolah agama menengah dengan Kelantan mendahului negeri lain bersesuaian dengan tradisinya sebagai ‘serambi Makkah’ di semenanjung Tanah Melayu. Setiap kerajaan negeri harus dipuji kerana turut membiayai pendidikan Islam di negeri masing-masing walaupun pembiayaan ini belum mencukupi.

**Jadual 4 : Bilangan Sekolah Rendah dan
Menengah Agama Mengikut Negeri 1988**

Negeri	Bilangan sekolah rendah agama	Bilangan sekolah menengah agama
Kedah	-	23
Perlis	-	2*
Perak	270	20
P.Pinang	48	6

Selangor	145	20
Melaka	127	3
Johor	460	21
N.Sembilan	32*	3
Pahang	-	17
Terengganu	-	14
W.Persekutuan	42	-
Kelantan	-	88
Jumlah	1127	245

* Sekolah ini bukan kelolaan JHAIN tetapi menerima bantuan.

Sumber: JHAIN

Peranan Institusi Wakaf dalam Pendidikan Islam

Melihat status sistem pendidikan agama kini, sudah tiba lah masanya umat Islam menyedari kepentingan institusi wakaf yang jarang kedengaran kini dan menghidupkannya kembali. Kalau pun kedengaran, wakaf lebih banyak dikaitkan dengan tanah perkuburan, tapak masjid atau pun surau. Peranannya yang hebat dalam perkembangan pendidikan seperti yang pernah dimainkan pada zaman kegemilangan Islam sudah tidak berfungsi lagi. Menurut Prof. Hassan Langgulung:⁴

"Kalau kita selidik sejarah pendidikan Islam, terutamanya dalam zaman kegemilangannya, kita dapat sangat erat hubungan pendidikan dengan sistem wakaf yang merupakan salah satu ibadat yang berkaitan daengan harta benda. Dengan kata lain, kemajuan lembaga wakaf ini menyebabkan berkembangnya lembaga pendidikan Islam, dan sebaliknya kemajuan lembaga pendidikan menghasilkan manusia-manusia yang rajin memberi wakaf, sehingga yang satu menumpang yang lain. Sebaliknya, bila sistem pendidikan Islam mulai lemah, sistem wakaf pun tidak berfungsi dan seterusnya seluruh sistem kaum muslimin pun mengalami kemerosotan."

Wakaf adalah satu pelaburan yang menguntungkan bagi wakif (orang yang mewakafkan hartanya) kerana ia akan mendapat keuntungan bukan di dunia tetapi di akhirat kelak. Ini dapat dilihat pada hadith, maksudnya:

"Dari Abu Hurairah r.a bahwasanya Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda, 'Apabila mati anak Adam, putus amalananya kecuali tiga perkara, iaitu, sedekah jariah (wakaf), ilmu yang dikembangkan, atau anak yang saleh yang mendoakan kedua ibu-bapanya.'"

Dari segi bahasa, ‘wakaf’ bermakna ‘menahan’ dan mengikut pengertian syarak pula ia bermakna ‘menahan harta yang dapat diambil manfaatnya berserta pengekalan harta tersebut dalam bentuk fiziknya untuk kegunaan yang mubah (harus) serta dimaksudkan untuk mendapat keredhaan Allah. Wakaf dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu,


- (i) wakaf ahli (khusus) - ditujukan kepada orang-orang tertentu, seseorang atau lebih, keluarga wakif atau pun bukan;
- (ii) wakaf khairi (umum) - ditujukan untuk kepentingan umum;
- (iii) wakaf mustarak (campuran antara khusus dan umum) boleh digunakan oleh keluarga wakif atau pun umum.⁵

Sejarah institusi wakaf bermula dengan saidina Uamar al-Khattab yang mewakafkan sebidang tanah yang diperolehi di Khaibar. Pewakafan harta untuk tujuan pendidikan dimulai oleh Khalifah al-Mamun yang telah mendirikan Baitul Hikmah dan membiayai perbelanjaan yang diperlukan oleh institusi tersebut. Usaha ini diteruskan oleh khalifah selepasnya. Sultan Nizam ul-Mulk yang terkenal sebagai perintis sistem madrasah (persekolahan) secara meluas, mewakafkan harta-harta wakaf kepada sekolah an-Nizamiyyah, berupa buku-buku, keuntungan perniagaan pasaraya sekitar sekolah itu pada tahun 462H. Terdapat juga wakaf Muayyid Sheikh di mana didapati pemberi wakaf itu sendiri menentukan guru-guru untuk keempat-empat mazhab iaitu, mazhab Hanafi, Shafie, Maliki dan Hambali, dengan menentukan beberapa syarat.⁶

Para ulama juga telah mewakafkan sebahagian harta mereka untuk pekerja-pekerja dalam bidang ilmiah. Setengah daripada mereka mewakafkan tanah, hasil tanaman, membina surau dan sekolah, pondok-pondok di samping perbelanjaan untuk kemudahan menuntut dan beribadah. Bagi setengahnya pula yang kurang kemampuan kewangan, mereka mewakafkan kitab, pakaian, makanan, dakwat, alat tulis dan seumpamanya. Terdapat juga wakaf para ulama untuk berbagai-bagai ruwak (asrama) Al Azhar. Di antaranya ialah ruwak Maghribi yang murid dan gurunya diperuntukkan roti. Bagi ruwak yang sama, Sheikh Syarafuddin Abu al-Ruh Isa bin Zain al-Din al-Zawawi mewakafkan perpustakaan yang mengandungi kitab al-Qur'an, tafsir, hadith, fiqh Maliki, dan sebagainya.

Sementara itu Sheikh Ali Sulaiman Absyadi telah mewakafkan sebuah perpustakaan yang lengkap kepada asrama Riafah di Jamiah Al-Azhar pada abad kesembilan belas.⁷ Al-Azhar sehingga kini ditadbirkan oleh harta wakaf yang digunakan untuk membina bangunan asrama, bilik kuliah, membayar gaji tenaga pengajar dan kakitangan, termasuk basiswa kepada para pelajar dari dalam dan luar negeri. Kepentingan peranan wakaf dan banyaknya jumlah sumber wakaf pada ketika itu melahirkan kementerian wakaf di kebanyakan

negara Timur Tengah. Ramai juga siswazah yang dilahirkan melalui sumber pembiayaan berbentuk wakaf termasuk siswazah dari negara Malaysia. Pada amnya perhubungan antara wakaf, pendidikan dan anak yang soleh dapat digambarkan seperti rajah berikut. Kita lihat anak yang soleh akan berwakaf mengikut kemampuannya dan ini akan melanjutkan institusi pendidikan yang ditanam dengan ruh Islam. Natijahnya akan lahirlah generasi yang menghayati nilai Islam dan menyempurnakan putaran baik ini.



Rajah 1. Perhubungan wakaf, pendidikan dan anak.

Institusi Wakaf di Malaysia

Malaysia tidak ketinggalan dari segi harta wakaf yang menjadi bukti keteguhan *musabaqah khairat* di kalangan muslimin yang telah mendahului kita. Malahan kebanyakan madrasah dan pondok didirikan di atas tanah wakaf, begitu juga pembiayaan bagi perjalannya seperti Madrasah Hamidiah (kini Ma'had Mahmud)⁸ di Kedah; Madrasah al Sultan Zainal Abidin (kini KUSZA) di Terengganu,⁹ Kolej Islam Malaya (kini Kolej Islam Klang) di Selangor.¹⁰

Bagaimanakah keadaan tanah wakaf kini? Jadual 5 menunjukkan taburan harta wakaf mengikut jenis di beberapa negeri.

Jadual 5 : Harta Wakaf mengikut jenis dan negeri¹¹

Negeri	Tanah yang boleh dijadikan pelaburan	Bangunan
1. Jóhor	175 ekar	5
2. Melaka	139 ekar	20
3. Selangor	35 ekar	t.m.
4. Perak	319 ekar	23
5. Trengganu	258 ekar	t.m.
6. Kelantan	240 ekar	t.m.

t.m. - tidak ada maklumat

Walaupun ia kelihatan luas, tetapi keluasan ini mungkin mengelirukan sebab hampir 90% daripada aset tanah wakaf ini dalam bentuk tanah perkuburan, dan cuma 10% sahaja yang boleh dibangunkan. Jelaslah bahawa harta wakaf yang mendatangkan hasil adalah bangunan kediaman, tapak tanah untuk banguan kediaman atau komersil dan tanah pertanian. Tetapi kebanyakannya tapak tanah ini tidak dibangunkan walaupun terletak di pusat bandar! Sebaliknya telah disewakan dengan sewa yang sangat rendah. Di kebanyakannya hasil pendapatan cuma mencukupi bagi menampung perbelanjaan seperti cukai tanah. (Jadual 6).

Jadual 6 : Pendapatan dan perbelanjaan harta wakaf di Melaka 1970-76¹²

Tahun	Pendapatan(\$)	Perbelanjaan(\$)
1970	38,454.50	29,748.47
1971	37,850.60	33,531.90
1972	38,012.40	36,323.27
1973	39,678.02	29,761.19
1974	42,354.35	49,693.57
1975	44,236.52	33,762.50
1976	53,705.50	35,060.35

Beberapa Kelemahan Pengurusan

Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan harta wakaf yang mungkin menjadi satu daripada sebab kurang produktifnya kebanyakannya harta wakaf di negara kita diwakafkan sebelum abad kedua puluh. Harta ini dikendalikan oleh penghulu, jawatankuasa masjid atau individu tertentu. Menyedari bahawa harta ini telah tidak diuruskan dengan baik, maka JHAIN berusaha menjadi pemegang amanah bagi harta tersebut melalui undang-undang. Tetapi terdapat masalah dalaman pindaan hak milik terutama berhubung harta wakaf untuk

tujuan umum sebab kadangkala pemegang wakaf itu menukar hak milik wakaf pada dirinya atau warisnya. Masalah kedua ialah kekurangan pegawai dan tenaga yang cekap dan layak di bahagian Wakaf JHAIN. Jabatan ini merasakan oleh kerana hasil pendapatan wakaf amat kecil, maka ia tidak memerlukan pegawai yang cekap. Kekurangan kakitangan mengurangkan keupayaan JHAIN untuk menyenaraikan semua harta wakaf di negeri berkenaan. Kadangkala pegawai ini juga terlibat dalam operasi di bahagian lain. Masalah ketiga ialah kerumitan proses pertukaran hak milik. Proses ini mesti melalui Pejabat Tanah dan ia terlalu lambat dan kompleks; Ini menambahkan beban unit wakaf yang sudah sedia kecil dan tidak cekap.

Masalah keempat, Majlis terpaksa menampung kos sewa (quit rent) dan penilaian harta di bawah namanya. Harta yang dikecualikan dari sewa cuma harta wakaf untuk tanah perkuburan. Pihak majlis keberatan untuk menukar hak milik tanah yang tidak mendatangkan hasil ataupun hasilnya kurang daripada kos yang perlu di keluarkan. Akhir sekali, tidak dapat kesedaran khasnya di pihak pengurusan akan peranan dan potensi wakaf terhadap pembangunan amnya dan pendidikan khususnya. Ini amatlah dikesali. Sumber dari wakaf boleh digunakan untuk tujuan membina sekolah khasnya sekolah yang berdasarkan falsafah pendidikan Islam, membina perpustakan dan asrama, membiayai gaji guru dan kakitangan, menerbitkan buku dan jurnal ilmiah, memberi biasiswa, dan sebagainya. Sayang sekali idea yang dicetuskan oleh Islam ini diabaikan oleh umat Islam sendiri tetapi dihayati di Barat menerusi Yayasan-yayasan seperti Yayasan Ford, Yayasan Asia, Yayasan Rockefeller dan lain-lain lagi, yang telah banyak berjasa dalam pelbagai bidang terutamanya pendidikan dan penyelidikan.

Sedikit sebanyak usaha-usaha yang dijalankan oleh YPEIM (Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia) perlu mendapat sokongan umat Islam. Kita hendakkan JHAIN mempelopori satu amanah yang seharusnya dipikul dengan penuh tanggungjawab. Kempen perlu dicanang, perencanaan jangka pendek dan jangka panjang perlu dirintis dan pengurusan perlu dikemaskinikan. Masalahnya bukan tidak ada orang yang ingin mwakafkan harta tetapi mereka belum yakin dengan kemampuan pihak pengurusan. Seperti yang telah kita jelaskan harta wakaf yang sedia ada pun masih belum diuruskan dengan baik. Harta wakaf yang terbiar itu adalah satu pembaziran. InsyaAllah dengan kesedaran pihak pengurusan dan juga umat Islam seluruhnya, intitusi wakaf akan hidup semula sehingga wujud kementerian wakaf dan seterusnya sistem pendidikan Islam yang terbaik akan menjadi kenyataan sekali lagi.

NOTA KAKI

1. Cohn, E. *The Economics of Education*, 1979, hal.2
2. *Perangkaan Pendidikan di Malaysia* 1986, Kementerian Pendidikan Malaysia, hal. 155
3. Khoo Kay Kim, *Perkembangan Pelajaran Agama Islam dalam Pendidikan ke Arah Perpaduan*, suntingan Awang Had Salleh, 1980, Hal.8
4. Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, Pustaka Husna, 1987, hal. 159
5. Mohd Parid Sheikh Ahmad di dalam Kertas Kerja "Peranan Wakaf dalam Pembangunan Masyarakat", hal. 4
6. Hassan Langgulung, *Asas-asas Pendidikan Islam*, Pustaka Husna, 1987, hal. 164
7. *Ibid.*, hal 171
8. Khoo Kay Kim, Perkembangan Pelajaran Agama dalam Pendidikan ke Arah Perpaduan, suntingan Awang Had Salleh, 1980, hal 10
9. *Ibid.*, hal 14
10. *Ibid.*, hal 28
11. Syed Othman al Habshi, Kertas Kerja, 'Waqf Management in Malaysia', 1987, hal. 18
12. *Ibid.*, hal. 21